

23/09/1997

Agong utus tahniah kepada Arab Saudi

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menghantar perutusan tahniah kepada Raja Arab Saudi, Raja Fahd Abdul Aziz sempena Hari Kebangsaan negara itu.

Dalam perutusannya, Tuanku Jaafar berharap di bawah kepemimpinan Raja Fahd keamanan dan kemakmuran di negara itu akan berterusan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan serupa kepada Raja Fahd yang juga Perdana Menteri Arab Saudi.

Dr Mahathir berharap hubungan antara kedua-dua negara akan terus diperkukuh dan diperluaskan.

"Saya yakin hubungan perdagangan dan ekonomi yang lebih rapat antara Malaysia dan Arab Saudi akan menguntungkan rakyat kedua-dua negara pada masa depan," kata beliau.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, juga menghantar perutusan lebih kurang sama kepada rakan sejawatannya di Arab Saudi Putera Sa'ud Al-Faisal As-Sa'ud. - Bernama

(END)